



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

”

KHAMIS
2 April 2026





Akhbar	Harian Metro
Tarikh	2 April 2026
Ruang	Lokal
Muka Surat	16

Pelantikan Ramelle, Ahsim bantu kukuh hala tuju PTPK

Kuala Lumpur: Pelantikan dua tokoh berpengalaman ke dalam Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) bagi memperkukuh pembangunan modal insan negara melalui latihan kemahiran yang lebih strategik dan berimpak tinggi.

Dua individu berkenaan ialah Ramelle Ashram Ramli yang dilantik seba-

gai Ahli Lembaga Pengarah merangkap Timbalan Pengerusi serta Ahsim Jamat sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ramanan Ramakrishnan berkata, pelantikan itu selaras dengan komitmen kerajaan bagi memperkasakan peranan PTPK sebagai institusi utama dalam menyokong ekosistem latihan kemahiran negara termasuk memper-

luas akses kepada pembiayaan latihan serta meningkatkan kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Ramelle mempunyai pengalaman luas dalam sektor korporat khususnya dalam bidang latihan kemahiran dan pembangunan bakat, sekali gus dijangka dapat memperkukuh hala tuju strategik PTPK.

"Ahsim pula memiliki pengalaman mendalam berkenaan industri latihan kemahiran tenaga kerja dan kepakarannya diyakini mampu membantu memperkasa perancangan dasar serta pelaksanaan program latihan yang lebih responsif dan inklusif," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, pelantikan itu juga mencerminkan penekanan kerajaan

terhadap kepimpinan berbasaskan pengalaman industri dan kepakaran praktikal dalam usaha meningkatkan tabdir urus serta kecekapan institusi berkaitan latihan kemahiran.

Katanya, PTPK memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang mampu memenuhi keperluan pasaran tempatan serta bersaing di peringkat global, khususnya dalam lands-

kap ekonomi yang semakin mencabar.

Ramanan menyatakan keyakinan bahawa gabungan pengalaman dan kepakaran kedua-dua tokoh berkenaan akan memberi nilai tambah signifikan kepada PTPK dalam merealisasikan agenda pembangunan bakat negara serta menyokong aspirasi Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi berteraskan kemahiran.

Kuala Lumpur

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kini berada pada tahap kesiapsiagaan penuh bagi melaksanakan perlindungan sosial kepada pekerja gig menerusi integrasi sistem berasaskan Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi (API) bersama penyedia platform.

Langkah strategik ini membolehkan potongan caruman dilaksanakan secara automatik daripada setiap transaksi pendapatan pekerja tanpa memerlukan campur tangan manual, sekali gus meningkatkan tahap kecekapan, ketelusan dan pematuhan dalam sektor berkenaan.

PERKESO dalam kenyataan berkata, ia menggesa semua penyedia platform gig untuk memastikan sistem masing-masing sedia untuk disepadukan dengan segera agar proses perlindungan dapat berjalan dengan lancar dan pantas.

"Inisiatif terbaharu ini adalah selari dengan pelaksanaan Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) yang mewajibkan semua penyedia platform mendaftarkan pekerja gig di bawah seliaan mereka secara sah dengan PERKESO.

"Penyedia platform yang masih belum berdaftar tetap tertakut kepada tanggungjawab untuk mendaftar dan memotong caruman bagi memastikan nasib golongan pekerja ini te-



CARUMAN 1.25 peratus akan dipotong secara automatik daripada setiap transaksi pembayaran sebaik sahaja sesuatu tugas diselesaikan.

CARUMAN AUTOMATIK 1.25% BUAT PEKERJA GIG

PERKESO guna sistem API bolehkan potongan dibuat daripada setiap transaksi

rus dilindungi mengikut undang-undang," katanya.

Menurut PERKESO, di bawah mekanisme baharu itu, caruman pada kadar 1.25 peratus akan dipotong secara automatik daripada setiap transaksi pembayaran sebaik sahaja sesuatu tugas diselesaikan oleh pekerja gig terbabit.

Katanya, pendekatan ini dilihat mampu memperluaskan liputan keselamatan sosial secara konsisten,

selain memastikan pekerja mendapat perlindungan sewajarnya tanpa menjejaskan fleksibiliti yang menjadi teras kepada ekonomi gig.

Sementara itu, statistik PERKESO mendedahkan trend membimbangkan apabila jumlah kemandangan di bawah skim LIN-

DUNG Kendiri terus menunjukkan peningkatan sejak tiga tahun lalu.

Berdasarkan data, sebanyak 4,021 kes dilaporkan pada 2023, meningkat kepada 4,839 kes (2024) dan terus melonjak kepada 5,496 kes pada tahun lalu, sekali

gus menuntut perhatian serius semua pihak.

Peningkatan itu turut dicerminkan melalui jumlah penerima faedah yang mencatatkan 6,294 orang pada 2023 sebelum mencecah 7,893 orang pada 2025, yang memberi isyarat jelas betapa kritikalnya aspek perlindungan sosial ketika ini.

Pelaksanaan Akta 872 juga meletakkan Malaysia sebagai antara negara terawal

di rantau ini yang mempunyai kerangka perundangan khusus dan komprehensif mengawal selia kebajikan pekerja dalam sektor dinamik tersebut.

"PERKESO akan terus memperluaskan capaian perlindungan kepada lebih ramai individu, termasuk golongan bekerja sendiri, bagi memastikan tiada sesiapa yang tercalar daripada jaringan keselamatan sosial negara," katanya.

“PERKESO akan terus memperluaskan capaian perlindungan PERKESO”